

04 NOV 2002

Lee-Kelab

KELAB PERPADUAN PERLU DITUBUHKAN BAGI MENYATUPADUKAN KAUM

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Kelab Perpaduan perlu diwujudkan di semua sekolah dan institusi pengajian tinggi bagi mendorong integrasi pelbagai kaum di negara ini, kata aktivis sosial Tan Sri Lee Lam Thye.

Lee yang juga anggota Panel Penasihat Perpaduan Negara berkata melalui kerjasama Kementerian Pendidikan, kerajaan boleh memperkenalkan dan menggalakkan penubuhan kelab itu yang dapat memberi manfaat kepada generasi muda.

"Menerusi kelab itu, mereka boleh merancang dan melaksanakan program membabitkan semua kaum seperti aktiviti perkhemahan, sukarelawan secara berkumpulan dan membuat kerja-kerja sukarela," katanya ketika dihubungi Bernama di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kebimbangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mesej Deepavali semalam, mengenai hubungan antara kaum terutama di kalangan generasi muda yang didapati masih lemah.

Selain itu, Lee berkata melalui aktiviti tersebut, ia dapat memupuk semangat setiakawan dan menggalakkan pergaulan antara anak muda pelbagai kaum.

Beliau berkata teguran Perdana Menteri mengenai jalinan hubungan antara kaum yang masih belum mantap itu merupakan satu ingatan kepada seluruh rakyat tentang peri pentingnya mereka berinteraksi dan memahami antara satu sama lain.

Lee berkata ini tidak dapat dinafikan masalah polarisasi kaum memang wujud di kampus institusi pendidikan tinggi.

"Nampaknya pelajar yang terdiri daripada pelbagai kaum lebih suka bergaul dengan kaum sendiri daripada berinteraksi dengan kaum lain," katanya.

Menurutnya negara sama ada negara maju dan membangun, bergantung kepada perpaduan kaum kerana ia merupakan kunci kejayaan.

Beliau berkata kelab perpaduan itu boleh diwujudkan serta merta tanpa perlu kajian.

"Program kerahan tenaga yang dilaporkan baru-baru ini juga merupakan salah satu cara untuk menggalakkan perpaduan," katanya.

Bagaimanapun, katanya program itu mengambil masa sedikit daripada segi pelaksanaannya kerana ia membabitkan perundangan negara.

-- BERNAMA

NJ ZS LAT